



KENYATAAN TAWARAN

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) adalah sebuah institusi pengajian tinggi milik penuh kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. UniSHAMS dijadual akan mengadakan Istiadat Konvokesyen Kali Ke-27 pada bulan November 2025. Dianggarkan seramai 1100 graduan akan menghadiri istiadat konvokesyen tersebut yang bakal disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah selaku Canselor UniSHAMS.

Tawaran ini adalah dipelawa secara terbuka kepada syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan yang masih sah (aktif) dan berkuat kuasa serta berpengalaman untuk menyertai sebut harga bagi pembekalan/perkhidmatan bagi menjalankan kerja-kerja pembekalan/perkhidmatan seperti berikut:

Kod Sebut Harga	Butir-butir Tawaran	Harga Dokumen
UniSHAMS/2025/ SH03/PEROLEHAN	SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN JURUFOTO, PERCETAKAN DAN PENGHANTARAN GAMBAR SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UniSHAMS KALI KE- 27 BAGI TAHUN 2025 UNTUK UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS), 09300 KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN.	Kadar caj pendaftaran pembekal / kontraktor bagi pembekalan / perkhidmatan/ kerja adalah RM 50.00 sahaja sepanjang tahun 2025. Bayaran melalui perbankan internet ke akaun berikut: No. Akaun : 020110 1003 6839 Nama Akaun : UniSHAMS Sdn. Bhd Bank : Bank Islam Malaysia Berhad Rujukan : Pembekal 2025 *Diwajibkan e-mel resit bayaran ke : unithasil@unishams.edu.my / unitperolehan@unishams.edu.my

TEMPAT PENGHANTARAN DOKUMEN TAWARAN

Sebarang pertanyaan hendaklah menghubungi nama dan alamat di bawah :	Tarikh Mula dan Tarikh Tutup Iklan Sebut Harga
1. Puan Najdah binti Abdul Samat (Tel : 04- 499 1030) (Unit Perolehan) 2. Encik Muhammad Nafis bin Abd Rahim (Tel : 04- 499 1110) (Teknikal)	Tarikh Mula Iklan : 11 Jun 2025 (Rabu)
Pejabat Bursar Aras 2, Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) Waktu Pejabat : 8.00 pagi – 4.00 petang (Ahad – Rabu) 8.00 pagi – 2.30 petang (Khamis)	Tarikh Penyerahan Dokumen : 30 Jun 2025 (Isnin) sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari

1. Individu/ Syarikat yang terpilih dikehendaki:

- Menyediakan satu set gambar (dari sudut yang berbeza) bagi setiap graduan yang mengandungi :

Cadangan Pakej:

- 1 x 11R – Berbentuk menegak (*portrait*).
- 1 x 8R (8' x 10') – Berbentuk melintang (*landscape*).
- 1 x 5R – berbentuk menegak (*portrait*).
- Sekeping CD Salinan 'softcopy' bagi gambar-gambar tersebut di atas.
- Menyerah / menghantar gambar-gambar tersebut kepada para graduan (sehari selepas Istiadat konvokesyen).

2. Membuat liputan keseluruhan majlis termasuk jamuan Santapan Diraja dan sesi fotografi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah bersama tetamu VVIP berserta gambar bercetak (diberi semasa istiadat).
3. Menyerahkan salinan 'softcopy' semua gambar yang dirakam dalam *Portable SSD (minima 1 TB)* kepada Bahagian Komunikasi Korporat, UniSHAMS.
4. Menyerahkan album gambar istiadat (5 Album).
5. Menyerahkan gambar berkumpulan kepada petugas-petugas.
6. Individu / syarikat dikehendaki menghantar kertas cadangan ringkas (proposal) yang mempunyai:
 - I. Profil individu / syarikat.
 - II. Tawaran harga bagi setiap pakej yang dicadangkan (harga atas setiap graduan).
 - III. Beberapa contoh gambar konvokesyen yang pernah diambil.
 - IV. Tawaran tambahan lain.
7. Permohonan / proposal hendaklah dihantar sebelum atau pada **30 Jun 2025**. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dicatatkan **No. Sebut Harga: UniSHAMS/2025/SH03/PEROLEHAN** pada sebelah atas kiri sampul dengan terang dan jelas dan dimasukkan terus ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di Pejabat :

Pejabat Bursar
Aras 2, Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

8. Individu/ Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier untuk penghantaran dokumen Sebut Harga. Individu/ Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Tender yang disediakan oleh Jabatan dengan ejen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. Pihak UniSHAMS tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen Syarikat.
9. Sekiranya syarikat berjaya mendapat tawaran kerja dan didapati memalsukan maklumat atau dokumen yang tidak dikemukakan, tawaran tersebut akan **TERBATAL** dengan serta merta.
10. Setiap syarikat yang berurusan dengan UniSHAMS adalah **DIWAJIBKAN** untuk membuat pendaftaran pembekal bagi tahun 2025 di website UniSHAMS (<https://unishams.edu.my/index.php/corporate-information/unishams/tender-quotation>).

Bahagian Perolehan dan Aset

Pejabat Bursar

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Tarikh : 11 Jun 2025



UniSHAMS
 UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SUKSES KUALA KEDAH MUHAMMADIYAH
 Universiti Islam Antarabangsa SukSES Kuala Kedah Mu'addun Shaleh



TAWARAN SEBUT HARGA

MENYEDIAKAN KHIDMAT JURUFOTO RASMI SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UniSHAMS KALI KE-27



unishams.official



| www.unishams.edu.my

